


# BULETIN

PLANMalaysia@Perak

(Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Perak Darul Ridzuan)

Edisi 2020



JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI

RANCANGAN STRUKTUR NEGERI  
PERAK (RSNP 2040)



MURNINETS 2.0

GARIS PANDUAN LADANG SOLAR  
BANDAR PINTAR



## ISI KANDUNGAN

Perutusan Pengarah

Jawatankuasa Perancang Negeri

Rancangan Struktur Negeri Perak (RSNP 2040)

Garis Panduan Perancangan Ladang Solar Negeri Perak

Pencapaian Pengukuran Indeks Kemampunan MURNINets 2.0

Ke Arah Pembangunan Bandar Pintar Malaysia

*Coffee Table Book*  
Sejarah Perancangan Pekan-Pekan Kecil Negeri Perak Darul Ridzuan

Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) Peringkat Negeri Perak 2019 Di Lenggong

Garis Panduan/ Piawaian Perancangan Negeri Perak

Kaedah - Kaedah Perancangan yang telah diwartakan

3  
4  
8  
16  
18  
22  
24  
28  
30  
34

## PERUTUSAN PENGARAH



Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang.

Syukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan izinNya, Buletin PLANMalaysia@Perak 2020 telah berjaya diterbitkan. Saya mengambil kesempatan mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua warga PLANMalaysia@ Perak di dalam melaksanakan semua perancangan yang telah dirangka pada awal tahun 2020. Sebagai peneraju dalam aspek perancangan bandar dan desa yang bertanggungjawab merancang persekitaran kehidupan yang berkualiti, sejahtera dan mampan, jabatan terus komited dan beriltizam untuk memacu perancangan dan pembangunan fizikal di Negeri Perak melalui pelaksanaan dan pemantauan secara komprehensif, sistematik dan inovatif.

Buletin ini berperanan sebagai penyampai atau wadah dalammewujudkan satu platform perkembangan minda pembaca. Selaras dengan tujuan buletin ini diterbitkan, PLANMalaysia@Perak (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Perak Darul Ridzuan) mengambil inisiatif ini untuk berkongsi dan menyebar maklumat perancangan di negeri Perak.

Usaha-usaha berterusan akan digalas demi mempertingkatkan perkhidmatan dan produktiviti jabatan bagi kecemerlangan jabatan pada masa hadapan. Akhir kata, terima kasih tidak terhingga kepada seluruh warga PLANMalaysia@Perak yang sentiasa bersungguh-sungguh melonjakkan nama jabatan ke arah merialisasikan visi dan misi jabatan.

Sekian.

TPr. Jasmiah Binti Ismail  
Pengarah  
PLANMalaysia@Perak  
JPBD Perak Darul Ridzuan

PENASIHAT  
TPr Jasmiah Binti Ismail

KETUA EDITOR  
Khairil Bin Khalid

EDITOR  
Irma Salina Binti Hj. Salleh

EDITOR BERSAMA  
Mustaffa Kamal Bin Mohd Ali | Syazlina Binti Bahari | Rosmiyani Binti Che Harun | Anis Zulfa Binti Johari | Lenny Marlina Binti Jonos

FOTOGRAFI  
Norhisham Bin Baharom

PEREKA GRAFIK  
Noor Imran Bin Zainuddin

# JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI

Jawatankuasa Perancang Negeri ditubuhkan seperti mana peruntukan Subseksyen 4(1), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172). Fungsi Jawatankuasa ini adalah seperti berikut:

- 1 untuk menggalakkan dalam Negeri, dalam rangka dasar negara, pemuliharaan, penggunaan dan pemajuan semua tanah di dalam Negeri;
- 2 untuk mengawal selia, mengawal, merancang dan menyelaras semua aktiviti pemajuan di dalam Negeri;
- 3 untuk menasihati Kerajaan Negeri, sama ada dengan daya usahanya sendiri atau sebagai menyahut permintaan Kerajaan Negeri, mengenai perkara yang berhubungan dengan pemuliharaan, penggunaan dan pemajuan tanah di dalam Negeri; dan
- 4 untuk mengusahakan, membantu dan menggalakkan pemungutan, penyenggaraan, dan penyiaran perangkaan, buletin, dan monograf, dan penyiaran lain yang berhubungan dengan perancangan bandar dan desa dan perkaedahannya.



Mesyuarat JPN Bil. 1/2020



Mesyuarat JPN Bil. 2/2020



YAB Menteri Besar sedang mempengerusikan Mesyuarat JPN Bil. 3/2020

# AHLI JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI PERAK 2020

- 1 YAB Dato' Seri Ahmad Faizal Bin Dato' Azumu - *Pengerusi*  
Menteri Besar Perak Darul Ridzuan  
Pengerusi Jawatankuasa Kewangan,  
Keselamatan, Tanah,  
Sumber Asli, Perancangan Ekonomi,  
GLC dan Integrasi Nasional
- 10 Pengarah  
Pejabat Pembangunan Persekutuan  
Negeri Perak
- 11 Pengarah  
Unit Perancang Ekonomi Negeri Perak
- 12 Pengarah Tanah dan Galian  
Perak Darul Ridzuan
- 13 Pengarah  
Jabatan Kerja Raya Perak Darul Ridzuan
- 14 Pengarah  
Jabatan Perhutanan Negeri Perak  
Darul Ridzuan
- 15 Pengarah  
Jabatan Pengairan dan Saliran Perak  
Darul Ridzuan
- 16 Pengarah  
Jabatan Mineral dan Geosains Perak  
Darul Ridzuan
- 17 Pengarah  
Jabatan Alam Sekitar Perak Darul Ridzuan
- 18 Setiausaha Bahagian  
Bahagian Kerajaan Tempatan Negeri  
Perak
- 2 YB Pengarah - *Setiausaha*  
PLANMalaysia@Perak  
(Jabatan Perancangan Bandar dan  
Desa Perak Darul Ridzuan)
- 3 YB Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim  
Setiausaha Kerajaan Negeri Perak
- 4 YB Tuan Azmir Shah bin Zainal Abidin  
Penasihat Undang-Undang Negeri  
Perak
- 5 YB Dato' Zulazlan bin Abu Hassan  
Pegawai Kewangan Negeri Perak
- 6 YB Dato' Nolee Ashilin binti Dato'  
Mohamed Radzi  
Pengerusi Jawatankuasa Perumahan,  
Kerajaan Tempatan dan Pelancongan
- 7 YB Dato' Saarani bin Mohamad  
Pengerusi Jawatankuasa  
Pembangunan Luar Bandar,  
Pembangunan Usahawan Koperasi  
dan Hal Ehwal Pengguna
- 8 YB Tuan Haji Razman bin Zakaria  
Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan,  
Pembangunan Modal Insan,  
NGO dan Masyarakat Sivil
- 9 YB Dato' Shahrul Zaman bin Yahya  
Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan  
dan Pembangunan Koridor

# KERTAS KERJA PERTIMBANGAN & KELULUSAN JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI PERAK 2020



- 1 Draf Rancangan Struktur Negeri Perak 2040.  
Kelulusan dan Pewartaan
- 2 Draf Rancangan Tempatan Majlis Bandaraya Ipoh (JSTP).
  - Laporan Siasatan Tempatan dan Pendengaran;
  - Kelulusan dan Pewartaan
- 3 Cadangan Pembangunan Northern Corridor Highway Untuk Fasa 2 (Serdang, Kedah- Changkat Jering, Perak)
- 4 SOP Pemohonan Kebenaran Merancang Bagi Projek Perumahan dibawah Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak (LPHP)



- 1 Pembangunan Silver Valley Technology Park (SVTP)
- 2 Pengubahan Draf RT Daerah Perak Tengah 2030
  - Pemakluman Laporan Publisiti dan Representasi
  - Kelulusan dan Pewartaan Draf RT Daerah Perak Tengah 2030
- 3 Permohonan Untuk Mendapatkan Nasihat MPFN Bagi Cadangan Berikut:
  - i. Cadangan Pelan Induk Pembangunan Taman Industri Seri Iskandar Seluas 3,168.698 Ekar Di Atas Sebahagian PT28250 (PLOT A) Mukim Bota Sebahagian PT 600 (PLOT B) Mukim Lambor Kanan, Daerah Perak Tengah Untuk Tetuan ECK Sdn Bhd
  - ii. Cadangan Pelan Susun Atur Bagi Cadangan Pembangunan Perindustrian Integrasi Kitar Semula Seluas 1,537.12 Ekar Di Atas Sebahagian PT28250 (PLOT A) Mukim Bota Sebahagian PT 600 (PLOT B) Mukim Lambor Kanan, Daerah Perak Tengah Untuk Tetuan ECK Sdn Bhd. (Fasa 1, Taman Industri Seri Iskandar)

- 1 Kajian Semula Pelan Induk Rangkaian Ekologi – Central Forest Spine (CFS) - Kertas Pemakluman
- 2 Cadangan Penubuhan Jawatankuasa Perancang Wilayah (JPW) Bagi Negeri-negeri Di Utara Semenanjung Malaysia (Negeri Pulau Pinang, Kedah, Perak dan Perlis)
- 3 Garis Panduan Perancangan Pembangunan Penggunaan Bercampur Menegak (Vertical) Di Zon Komersial
- 4 Pelantikan Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan Ahli Lembaga Rayuan Negeri Perak Sesi 2021-2023
- 5 Pengubahan Draf Rancangan Tempatan Daerah Perak Tengah
- 6 Pengubahan ke- 4 Draf Rancangan Tempatan Daerah Kampar
- 7 Pengubahan Draf Rancangan Tempatan Daerah Selama
- 8 Pengubahan Draf Rancangan Tempatan Daerah Larut Matang 2035
  - Laporan Keputusan Jawatankuasa Siasatan Tempatan; dan
  - Kelulusan dan Pewartaan
- 9 Penggantian Draf Rancangan Tempatan Daerah Kerian 2040 (JSTP).
  - Laporan Keputusan Jawatankuasa Siasatan Tempatan; dan
  - Kelulusan dan Pewartaan
- 10 Draf Terma Rujukan Rancangan Tempatan Daerah Hilir Perak 2035



# RANCANGAN STRUKTUR NEGERI PERAK (RSNP 2040)

## GAMBARAJAH UTAMA RSNP 2040

Apa itu Rancangan Struktur (RS)?

"Rancangan Struktur (RS) merupakan satu dokumen penyataan bertulis yang mengandungi dasar-dasar perancangan strategik dan cadangan-cadangan pembangunan kegunaan tanah serta hala tuju perancangan pembangunan masa hadapan bagi sesebuah negeri. Ianya disokong dengan Gambarajah Utama serta Pelan-pelan Sektoral bagi memperjelaskan dasar-dasar perancangan strategik dan cadangan yang dikemukakan."

Subseksyen 8(3), 8(4) & 8(6) Akta 172

Rujuk Bahagian III, Rancangan Pemajuan, Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976.

RSNP 2040 telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Negeri Perak Bil. 4/2019 pada 25 November 2019.

## PROFIL FIZIKAL NEGERI PERAK

Mempunyai **12 daerah, 15 PBT**

**2.47 juta orang** iaitu 8.0% dari jumlah nasional

- kadar pertumbuhan - 1.04% (2010-2015) berbanding 2.06% peringkat nasional

Keluasan **2.1 juta hektar**

- Hutan - 52.3%
- Pertanian - 37.2%
- Tepubina - 6.4%
- Badan air - 4.1%


Kawasan hutan seluas **1.1 juta hektar** merupakan **kedua tertinggi** selepas Pahang. 91% adalah hutan simpan kekal.

Kawasan persisiran pantai sepanjang **230km** (terpanjang di pantai barat SM)

Pelan Strategik Pembangunan Negeri Perak 2040 merupakan pelan indikatif yang menggariskan secara am berhubung cadangan pemajuan dan penggunaan tanah Negeri Perak dalam bentuk spatial.

Fungsi pelan strategik ini adalah untuk memandu arah pembangunan fizikal Negeri Perak, menggalakkan pelaburan dan pertumbuhan ekonomi di samping tumpuan kepada aspek pengurusan alam sekitar dan sumber jaya asli secara mampan sehingga tahun 2040. 5 komponen yang diberi penekanan adalah:

- 1 Hierarki petempatan;
- 2 Kawasan tindakan pembangunan;
- 3 Sistem perhubungan dan rangkaian pengangkutan utama;
- 4 Kawasan pembangunan terkawal; dan
- 5 Kawasan pengekalan dan pemeliharaan.



## MATLAMAT DAN TERAS PEMBANGUNAN FIZIKAL



Terdapat 11 projek *flagship* yang telah dicadangkan dalam RSNP 2040. Projek-projek ini merupakan projek yang diberi keutamaan kerana mampu melonjakkan ekonomi negeri sehingga 2040. Cadangan 11 projek *flagship* tersebut adalah seperti berikut :

## PROJEK FLAGSHIP

### PROJEK FLAGSHIP #1

Pulau Bebas Cukai (PBC)  
Pangkor

 PBC akan berkuatkuasa pada **1 Januari 2020**

 Pengisytiharan PBC dibuat semasa pembentangan **Bajet 2019**

 Satu **kajian awal** sedang dijalankan bagi mengenalpasti infrastruktur yang diperlukan



### PROJEK FLAGSHIP #2


Naiktaraf Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah Ke Taraf Antarabangsa



 Menyediakan bangunan terminal yang lebih besar.

 Menyediakan prasarana untuk urusan import eksport yang lengkap

 Menambah laluan penerangan



### PROJEK FLAGSHIP #3

Perluasan Terminal Maritim Lumut

- Mengukuhkan jenama "Lumut Port" sebagai salah satu pelabuhan terbesar di rantau ini.
- Untuk memenuhi peningkatan jumlah kargo LMT1

### Komponen Pembangunan LMT2

<b>Fasa 1</b>	135.3 Ekar	Pemanjangan dermaga (445m) dan infrastruktur
<b>Fasa 2</b>	32 Ekar	Pemanjangan dermaga (450m)
<b>Fasa 3</b>	172 Ekar	Pembangunan sektor industri/komersial

 Perak Hi-Tech Park

- Meru Raya, Ipoh

 Perak Science Park

- Seri Iskandar

### PROJEK NCIA YANG TELAH DILULUSKAN



## PROJEK FLAGSHIP #5

Projek Infrastruktur Mega



## PROJEK FLAGSHIP #7

Perak Agrofood (Lembah Pengeluaran Makanan)

- Mengusahakan jelapang padi, taman kekal pengeluaran makanan
  - Kerian
  - Manong
  - Lenggong
  - Titi Gantung
  - Selama
- Pusat pengumpulan dan pengedaran hasil agromakanan
  - Selama
  - Manong
  - Seberang Perak
  - Bagan Serai
- Jeti perikanan
  - Bagan Datuk
  - Hutan Melintang
  - Kuala Sepetang
  - Tanjung Piandang
- Membangunkan kawasan Rusa Belt sebagai pusat ternakan dan pelancongan
  - Pengkalan Hulu

## PROJEK FLAGSHIP #8

Pembangunan Sungai Perak



Menyediakan Pelan Pembangunan Sungai Perak.

Pemeliharaan biodiversiti semula jadi Sungai Perak.

Pembangunan produk pelancongan sedia ada dan baru di sepanjang pesisiran Sungai Perak.

## PROJEK FLAGSHIP #6

Pembangunan Pelancongan Negeri Perak



Pelancongan eko bertaraf antarabangsa

- Royal Belum – Lenggong – KK
- Pulau Sembilan – Teluk Senangin – Segari Melintang.
- Ulu Geroh – Gua Tempurung – Gopeng – Batu Gajah.



Pelancongan warisan

- Taiping
- Tanjung Tualang
- Kuala Kangsar
- Lenggong



Pelancongan bandar, taman tema dan festival

- Ipo
- Taiping
- Manjung
- Tanjung Malim

### PROJEK NCIA YANG TELAH DILULUSKAN



Ipo  
Heritage  
Tourism  
Phase 1&2



Royal Belum  
Canopy Walk



Menyediakan pengangkutan transit kapasiti tinggi berdasarkan rel atau LRT di Bandaraya Ipo dan kawasan sekitarnya



Melibatkan 38 stesen /hentian dan stesen pertukaran

- Stesen Keretapi Ipo
- Stesen Tawas
- Batu Gajah
- Kampar



## PROJEK FLAGSHIP #9

Rel Metropolitan Kinta



## PROJEK FLAGSHIP #10

i) Perlindungan Geopark Lembah Kinta



ii) Perlindungan Perairan Pulau Sembilan



## PROJEK FLAGSHIP #11



Perlindungan Penyu Segari



# RANCANGAN TEMPATAN DAERAH (RTD) YANG TELAH DIWARTAKAN

Sehingga November 2020, sebanyak 8 Rancangan Tempatan telah diwartakan seperti berikut :

- RT Majlis Daerah Batu Gajah 2025
- RTD Kampar 2030
- RTD Manjung 2030
- RTD Perak Tengah 2030
- RTD Selama 2030
- RTD Larut Matang 2035
- RTD Bagan Datuk 2035
- RTD Kerian 2035



- Terdapat 6 Rancangan Tempatan yang sedang disediakan bagi menggantikan Rancangan Tempatan-Rancangan Tempatan sedia ada seperti berikut:
- RTD Muallim 2035
  - RT Majlis Bandaraya Ipoh 2035
  - RTD Hilir Perak 2035
  - RTD Kuala Kangsar 2035
  - RTD Batang Padang 2035

# GARIS PANDUAN PERANCANGAN LADANG SOLAR NEGERI PERAK

## TUJUAN

Garis Panduan Perancangan Ladang Solar adalah bagi membantu Pihak Berkuasa Negeri (PBN), Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT) dan pihak-pihak berkepentingan di dalam merancang dan mengawal pembangunan ladang solar di peringkat penyediaan susun atur untuk kelulusan permohonan Kebenaran Merancang (KM).

Garis Panduan Perancangan ini melibatkan ladang solar atas tanah (ground mounted) secara komersial sahaja dan tidak meliputi kepada penjanaan tenaga solar atas bumbung atau dinding bangunan yang kebiasaannya digunakan untuk kegunaan domestik.

## LATAR BELAKANG

Sehingga tahun 2019, Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT) di Negeri Perak telah menerima lapan (8) permohonan pembangunan ladang solar. Semua permohonan ini melibatkan projek ladang solar PV (atas tanah).

Asasnya, ladang solar adalah merupakan satu tapak yang menempatkan sistem PV berskala besar untuk tujuan penjanaan tenaga elektrik secara komersial yang disambung kepada rangkaian grid elektrik nasional.

**Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Bil.1995 bertarikh 17 Jun 2020 disahkan pada 1 Julai 2020** telah bersetuju ke atas cadangan pemakaian Garis Panduan Perancangan Ladang Solar Negeri Perak oleh Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Perak dengan menerima pakai syor-syor berikut:

**1** Garis Panduan Perancangan Pembangunan Ladang Solar Negeri Perak untuk diterima pakai oleh PBPT di dalam aktiviti perancangan dan kawalan pembangunan masing-masing seperti mana yang diluluskan oleh **Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Negeri Perak Bil. 4/2019 pada 25 November 2019**.

**2** Pejabat Tanah dan Galian Negeri Perak akan mengenakan kepada pemaju ladang solar Permit Khas bagi dua (2) kategori tanah iaitu industri dan pertanian; dan

**3** Memberi kelulusan secara pukal (*blanket*) terhadap penambahbaikan Jadual Kelas Kegunaan Tanah (KGT) bagi Rancangan Tempatan (RT) sedia ada yang telah diwartakan dengan memasukkan komponen “Industri Bukan Taman Perindustrian (Ladang Solar Utiliti)” bagi aktiviti yang dibenarkan di Zon Pertanian.



Ladang solar



Contoh pelan susun atur untuk ladang solar



Contoh penjanaan tenaga solar atas bumbung dan dinding bangunan yang tidak termasuk dalam skop garis panduan perancangan ini



Contoh pembangunan ladang solar di atas tanah



Contoh Taman Kekal Pengeluaran Makanan di Sungkai tidak dibenarkan untuk pembangunan ladang solar

## DEFINISI LADANG SOLAR

Garis Panduan Perancangan Ladang Solar mendefinisikan ladang solar sebagai satu tapak yang menempatkan sistem PV berskala besar untuk tujuan penjanaan tenaga elektrik secara komersial yang disambung kepada rangkaian grid elektrik nasional. Ia terdiri daripada pemasangan panel solar yang besar yang bertujuan untuk membekalkan kuasanya ke grid seterusnya dijadikan sebagai bekalan utiliti.



Kawasan jelapang padi tidak dibenarkan untuk pembangunan ladang solar



IMBAS CODE UNTUK MUAT TURUN GP PERANCANGAN LADANG SOLAR NEGERI PERAK

## PENCAPAIAN PENGUKURAN INDEKS KEMAMPANAN MURNINETS 2.0

MURNInets merupakan singkatan kepada Jaringan Penunjuk Pembangunan Mampan Bandar-Luar Bandar Malaysia (Malaysian Urban-Rural National Indicators Network for Sustainable Development). Ia adalah satu pendekatan yang dapat mengukur dan menilai kemampuan sesebuah bandar-luar bandar melalui penggunaan penunjuk bandar.

PLANMalaysia telah menjalankan kajian mengenai penunjuk kemampuan bandar bermula pada tahun 1998 dan satu set penunjuk kemampuan bandar yang pertama telah disediakan pada tahun 2002 dikenali sebagai Malaysia Urban Indicators Network (MURNInet).

Pusat Operasi MURNInets Kebangsaan (POMK) telah melaksanakan Kajian Penambahbaikan dan Pengukuhan MURNInets pada tahun 2017 yang dikenali sebagai MURNInets 2.0. Tahun 2018 merupakan tahun pertama pelaksanaan MURNInets 2.0 menggunakan set penunjuk dan modus operandi yang baru melibatkan semua PBT di negeri Perak.

Kajian penambahbaikan MURNInets ini telah melibatkan ujicuba bagi enam (6) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) termasuk Majlis Daerah Gerik dan lima

Objektif kajian MURNInets 2.0 adalah seperti berikut :


- 1** Menilai tahap pencapaian kemampuan bandar-luar bandar;
- 2** Mengenal pasti kekuatan dan kelemahan setiap kawasan PBT mengikut penunjuk yang telah dikenal pasti;
- 3** Mencadangkan peluang dan potensi penambahbaikan untuk meningkatkan tahap kemampuan sesebuah bandar-luar bandar; dan
- 4** Pemantauan pelaksanaan pelan tindakan yang telah dikenal pasti.

Kerangka MURNInets 2.0 yang terdiri daripada 5 strategi, 6 dimensi, 20 tema dan 39 penunjuk dibentuk berdasarkan kepada Strategi Pembangunan Mampan yang digarap daripada dasar Wawasan 2020, Model Ekonomi Baru (MEB), Rancangan Malaysia Ke-11 (2016-2020), Rancangan Fizikal Negara (RFN Ke-3) dan Dasar Perbandaran Negara 2 (DPN2)

Dimensi, Tema dan Penunjuk MURNInets 2.0



## KAWASAN PENTADBIRAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI PERAK




Penilaian kemampuan adalah berdasarkan kriteria berikut :-

- 1** Memasukkan data untuk 39 penunjuk dengan lengkap (termasuk menghantar borang soal selidik indeks kebahagiaan (KT3-P5) dan tahap kepuasan penduduk terhadap perkhidmatan PBT (UT1-P1);
- 2** Memuatnaik Borang A (pembekalan data) dengan pengesahan agensi pembekal data; dan
- 3** Borang A (pembekalan data) adalah tepat dengan data yang dimasukkan ke dalam Gerbang MURNInets 2.0.

## PENCAPAIAN PENGUKURAN INDEKS KEMAMPANAN MURNINETS 2.0 PERINGKAT NEGERI PERAK

Negeri Perak telah diumumkan sebagai Negeri Mampan 2019 dengan mencapai skor keseluruhan sebanyak 82.96% di mana sebanyak 11 PBT telah mencapai status mampan manakala empat (4) PBT telah mencapai status sederhana mampan.



Keputusan pencapaian kemampunan bagi negeri Perak mengikut dimensi mencatatkan bahawa dimensi Kualiti Persekutaran Mampan merupakan dimensi paling mampan bagi semua PBT dengan mempunyai skor purata sebanyak 94%.

Dimensi yang mempunyai skor terendah pula adalah dimensi Infrastruktur & Pengangkutan Efisien dengan mempunyai skor purata sebanyak 73% (sederhana mampan).

Majlis Daerah Gerik telah berjaya merangkul tempat ketiga Anugerah Bandar Mampan bagi Kategori Majlis Daerah bersempena sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia 2020 Peringkat Kebangsaan yang diadakan pada 10 November 2020.

## PENCAPAIAN MURNINETS 2.0 NEGERI PERAK MENGIKUT DIMENSI BAGI TAHUN 2019

PBT	EKONOMI BERDAYASAING	KUALITI PERSEKITARAN MAMPAH	KOMUNITI SEJAHTERA	GUNATANAH & SUMBER ASLI OPTIMUM	INFRASTRUKTUR & PENGANGKUTAN EFISIEN	URUSTADBIR EFEKTIF	INDEKS KEMAMPANAN (%)
MB IPOH	0.75	1.00	0.86	0.96	0.76	0.89	86.90
MP MANJUNG	1.00	0.92	0.84	0.83	0.73	0.93	88.41
MP KUALA KANGSAR	1.00	1.00	0.86	0.92	0.75	0.85	90.64
MP TAIPING	0.83	0.96	0.86	1.00	0.95	0.89	90.83
MP TELUK INTAN	0.58	0.88	0.76	0.92	0.71	0.72	75.65
MD KAMPAR	0.75	0.88	0.82	0.75	0.75	1.00	82.22
MD GERIK	0.88	0.92	0.83	0.75	0.81	1.00	86.63
MD KERIAN	1.00	1.00	0.76	0.75	0.76	0.81	86.13
MD BATU GAJAH	1.00	1.00	0.72	0.83	0.68	0.69	83.79
MD LENGGONG	1.00	0.92	0.43	0.79	0.79	1.00	81.47
MD PENGKALAN HULU	0.58	0.92	0.60	1.00	0.65	0.72	73.64
MD PERAK TENGAH	0.58	0.88	0.84	0.75	0.62	0.78	74.68
MD SELAMA	0.75	0.92	0.89	0.83	0.63	0.89	82.54
MD TANJONG MALIM	0.75	0.92	0.71	0.75	0.71	0.63	75.47
MD TAPAH	0.75	1.00	0.88	0.75	0.71	1.00	85.41
<b>PERAK</b>	<b>0.81</b>	<b>0.94</b>	<b>0.78</b>	<b>0.84</b>	<b>0.73</b>	<b>0.85</b>	<b>82.96</b>

3 Mampan

2 Sederhana Mampan

1 Kurang Mampan

Analisis Indeks Kemampunan Negeri Perak

## PENCAPAIAN MURNINETS 2.0 PIHK BERKUASA TEMPAT (PBT) MENGIKUT PETUNJUK BAGI TAHUN 2019

PIHK BERKUASA TEMPAT	INDEKS KEMAMPANAN (%)	DIMENSI EKONOMI BERDAYASAING			DIMENSI KUALITI PERSEKITARAN MAMPAH						DIMENSI KOMUNITI SEJAHTERA							
		ET1	ET2	ET3	ST1	ST2	ST3	KT1	KT2	KT3	KT4	KT5	KT6	KT7	KT8			
		ET1-P1	ET2-P1	ET3-P1	ST1-P1	ST1-P2	ST2-P1	ST3-P1	ST3-P2	ST3-P3	KT1-P1	KT2-P1	KT3-P1	KT3-P2	KT3-P3	KT4-P1		
MB IPOH	86.90	1	3	3	3	3	3	3	3	3	2	2	3	2	1	3	3	3
MP MANJUNG	88.41	3	3	3	3	3	3	3	3	1	2	3	1	2	1	3	3	3
MP KUALA KANGSAR	90.64	3	3	3	3	3	3	3	3	3	3	3	3	2	3	3	3	1
MP TAIPING	90.83	3	3	1	3	3	3	3	3	2	3	1	1	3	3	3	3	1
MP TELUK INTAN	75.65	1	3	1	3	3	3	3	3	2	1	1	3	2	2	2	3	3
MD KAMPAR	82.22	1	3	3	3	3	3	3	2	3	1	3	3	2	3	1	3	2
MD GERIK	86.63	2	3	3	3	3	3	3	3	1	3	3	3	1	3	2	3	1
MD KERIAN	86.13	3	3	3	3	3	3	3	3	2	3	3	3	2	3	2	3	1
MD BATU GAJAH	83.79	3	3	3	3	3	3	3	3	3	2	3	3	1	1	3	3	1
MD LENGGONG	81.47	3	3	3	3	3	3	3	3	1	3	3	1	1	2	3	3	1
MD PENGKALAN HULU	73.64	1	3	1	3	3	3	3	1	3	3	1	1	3	3	1	2	3
MD PERAK TENGAH	74.68	1	3	1	3	3	3	3	2	3	3	2	3	3	2	3	3	1
MD SELAMA	82.54	1	3	3	3	3	3	3	3	1	3	3	2	3	2	3	3	3
MD TANJONG MALIM	75.47	1	3	1	3	3	3	3	1	3	3	1	1	3	2	2	3	3
MD TAPAH	85.41	1	3	3	3	3	3	3	3	3	3	3	3	2	3	1	3	2

3 Mampan

2 Sederhana Mampan

1 Kurang Mampan

PIHK BERKUASA TEMPAT	INDEKS KEMAMPANAN (%)	GUNA TANAH DAN SUMBER ASLI OPTIMUM						INFRASTRUKTUR DAN PENGANGKUTAN EFISIEN						URUSTADBIR EFEKTIF				
		GT1	GT2	GT4	IT1	IT2	IT3	IT4	UT1	UT2	UT3	UT4	UT5	UT6	UT7	UT8		
		GT1-P1	GT2-P1	GT2-P2	GT2-P3	GT4-P1	GT4-P2	IT1-P1	IT1-P2	IT1-P3	IT1-P4	IT1-P5	IT1-P6	IT2-P1	IT3-P1	IT4-P1		
MB IPOH	86.90	3	3	3	2	3	1	3	3	2	3	3	1	3	2	3	3	3
MP MANJUNG	88.41	3	1	1	3	3	1	3	1	2	3	3	1	3	3	2	3	3
MP KUALA KANGSAR	90.64	3	3	1	3	3	3	1	3	3	1	3	1	3	3	2	1	3
MP TAIPING	90.83	3	3	3	3	3	3	1	3	3	2	3	3	3	3	2	3	3
MP TELUK INTAN	75.65	3	3	1	3	3	3	1	3	1	1	3	1	3	3	1	2	3
MD KAMPAR	82.22	2	3	1	3	2	3	1	3	3	1	3	3	1	3	3	3	3
MD GERIK	86.63	2	2	3	1	3	3	1	3	1	3	3	2	3	3	3	3	3
MD KERIAN	86.13	2	2	1	3	3	3											

# BANDAR PINTAR (SMART CITY)

Bandar pintar ialah kawasan bandar yang menggunakan pelbagai jenis sensor pengumpulan data elektronik untuk membekalkan maklumat yang digunakan untuk menguruskan aset dan sumber dengan cekap. Ini termasuk data yang dikumpulkan dari penduduk, peranti, dan aset yang diproses dan dianalisis untuk memantau dan mengurus sistem lalu lintas dan pengangkutan, loji kuasa, rangkaian bekalan air, pengurusan sisa, penguatkuasaan undang-undang, sistem maklumat, sekolah, perpustakaan, hospital dan lain perkhidmatan komuniti.



Perancangan Bandar Pintar Putrajaya telah bermula pada 2018

Terdapat 7 komponen Bandar Pintar seperti berikut:

- Smart Governance**
  - Data Terbuka
  - e-kerajaan
- Smart People**
  - Komuniti
  - Modal insan berbakat & kemahiran
  - Moral yang baik
  - Mentaliti kelas pertama
- Smart Digital Infrastructure**
  - Liputan rangkaian
  - Internet berkelajuan tinggi
  - Perlindungan data peribadi
  - Keselamatan siber
- Smart Economy**
  - Meningkatkan produktiviti
  - Inovasi ekonomi
  - Penggunaan ICT
  - Persaingan ekonomi & pelaburan yang menarik
- Smart Mobility**
  - Jaringan jalan raya & pengangkutan bersepadu
  - Kemampanan/kehijauan
  - Mod pengangkutan mampu milik
- Smart Living**
  - Keterjaminan & Keselamatan
  - Penjagaan kesihatan
  - Kualiti hidup yang tinggi
- Smart Environment**
  - Perlindungan alam sekitar
  - Pengurusan sumber
  - Bandar berdaya tahan, rendah karbon & gaya hidup

## KONSEP BANDAR PINTAR

Konsep bandar pintar menjadi pilihan kebanyakkan negara dalam menangani isu-isu berkaitan dengan perbandaran. Projek-projek bandar pintar di seluruh dunia seperti Nice, Amsterdam, Barcelona, Kyoto, Beijing, Singapore dan Soul. Manakala di Malaysia pula projek-projek bandar pintar telah mula diperkenalkan seperti Greater Kuala Lumpur, Iskandar Malaysia, Smart Selangor dan Putrajaya Smart City. Sehingga kini setiap konsep bandar pintar berbeza di antara setiap negara.

Menurut Deakin, bandar pintar dapat menggunakan ICT bagi memenuhi kehendak pasaran (penduduk dan bandar) dan juga penglibatan komuniti dalam setiap proses yang diperlukan. Penggunaan teknologi juga memberi kesan positif kepada masyarakat setempat.

## KEPERLUAN BANDAR PINTAR

Konsep bandar pintar digunakan sebagai salah satu pendekatan untuk menyelesaikan isu-isu perbandaran bagi meningkatkan kualiti hidup menggalakkan pertumbuhan ekonomi membangunkan persekitaran mampan dan selamat serta menggalakkan pengurusan bandar yang cekap melalui penggunaan ICT dan kemajuan teknologi.

Bagi Negeri Perak pelaksanaan bandar pintar di terjemahkan melalui dasar dan polisi Rancangan Struktur Negeri Perak 2040 dan Rancangan-rancangan Temparan Daerah.



Kemudahan internet merupakan keperluan utama bagi menjayakan Bandar Pintar

CABARAN BANDAR	EKONOMI DIGITAL	ICT & TEKNOLOGI	KUALITI HIDUP	KEMAMPANAN
Peningkatan penduduk dan kepesatan pembangunan mengakibatkan pelbagai isu dan cabaran perbandaran	Tumpuan utama Kerajaan kerana ianya menyumbang 17.8% KDNK (2015) dan dijangka mencapai 20%	IoT, big data & Artificial Intelligence (AI) dan GIS memberi impak kepada polisi dan pengurusan bandar, integrasi maklumat dan meningkatkan tahap perkhidmatan	Inisiatif bandar pintar perlu selari dengan keperluan cabaran perbandaran, menyediakan penyelesaian bagi meningkatkan kualiti	Selaras dengan agenda nasional dan global untuk memenuhi keperluan hala tuju negara terhadap pembangunan mampan

## IMPLEMENTASI PROJEK BANDAR PINTAR



# BAGAN DATOH BAGAN SERAI












































# KUALA KURAU

25

## Pekan Jelapang Padi

Rice Bowl Town

Perspektif Penerangan Bandar / From Town Planning Perspective





SENARAI COFFEE TABLE BOOK PLAN MALAYSIA @ Perak

SIRI 1

**GOPENG - Pekan Warisan Perlombongan Bijih Timah**  
**BERUAS - Gangga Negara Kerajaan Yang Hilang**  
**BAGAN SERAI - Pekan Jelapang Padi**  
**KARAI - Bandar Awal Jambatan Keretapi Victoria**  
**PAPAN - Pekan Perlombongan Tertua Lembah**

SIRI 2

- BAGAN DATOH - Pekan Penanaman Kelapa Terawal
- LUMUT - Bandar Maritim Negeri Perak
- PARIT - Pekan di Tebing Sungai Perak
- KUALA KURAU - Pekan Panorama Lanskap Nelayan
- KLIAN INTAN - Pekan Bijih Timah Rahman Hidraulik

SIRI 3

**LENGGONG** - Pekan Warisan Arkeologi Dunia  
**PADANG RENGAS** - Pekan Awal Sistem  
Pendidikan Islam Perak  
**PUSING** - Pekan Tinggalan Lombong Bijih  
Timah  
**SUNGKAI** - Nadi Perladangan Kelapa Sawit  
**TANJUNG RAMBUTAN** - Pekan Damai di Kaki  
Gunung Korbu

SIRI 4

**PENGKALAN HULU** - Pekan di Hujung Negeri  
**KUALA SEPETANG** - Pekan Pengurusan Hutan  
**Paya Bakau Terbaik Dunia**  
**CHENDERIANG** - Pekan Pelopor Kesusasteraan  
Melayu Perak  
**MALIM NAWAR** - Pekan Sumber Kuasa Elektrik  
Nap Terawal  
**MANONG** - Berkerajaan di Pulau Semat

# SAMBUTAN HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA (HPBS) PERINGKAT KEBANGSAAN 2020

Majlis Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia Peringkat Kebangsaan Tahun 2020 (#HPBS2020) berlangsung pada 10 November 2020 yang diadakan secara atas talian sepenuhnya bertemakan “**Norma Baharu : Perancangan Melangkaui Kelaziman**”. Perasmi sambutan HPBS 2020 iaitu Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Puan Hajah Zuraida Binti Kamaruddin menyatakan peranan PLANMalaysia sebagai agensi peneraju guna tanah di negara ini perlu diperkasa kerana pembangunan bandar mampan secara sistematik, relevan dan menyeluruh penting bagi kesejahteraan masyarakat. Turut hadir memeriahkan sambutan secara atas talian iaitu PLANMalaysia@Negeri, Malaysian Institute of Planners (MIP) dan semua profession yang terlibat dengan perancang bandar menerusi pautan Google Meet dan siaran secara langsung di media sosial Facebook PLANMalaysia.



Perutusan Khas HPBS 2020 daripada YB Dato' Ahmad Suaidi Bin Abdul Rahim, Setiausaha Kerajaan Negeri Perak



Pegawai-pegawai PLANMalaysia@Perak menerusi sambutan secara atas talian pada 10 November 2020 bersempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) 2020 Peringkat Kebangsaan.



Ucapan perasmian oleh YB Puan Hajah Zuraida Binti Kamaruddin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan



Turut memberi ucapan semasa sambutan utama HPBS 2020 iaitu YBrs. TPr Gs. Dr. Shamsaini binti Shamsuddin, Ketua Pengarah PLANMalaysia



**AKH Anugerah Kejiran Hijau 2020**

**KATEGORI PIHAK BERKUSA TEMPATAN**

- 1. Presm8, Perbadanan Putrajaya
- 2. Bandar Baru Salak Tinggi, Majlis Perbandaran Sepang
- 3. Bandar Baru Kampar, Majlis Daerah Kampar

**AKH Anugerah Kejiran Hijau 2020**

**KATEGORI PERUMAHAN BERTANAH**

- 1. Komuniti Rukun Tetangga Al-Husna, Seksyen 20, Shah Alam, Selangor
- 2. Persatuan Penduduk Rumah Teres Seksyen 24 Setia, Shah Alam, Selangor
- 3. Tr. Syed Azwan bin Syed Omar, Taman Indah Jaya, Ipoh, Perak

**AKH Anugerah Kejiran Hijau 2020**

**KATEGORI KAMPUNG DALAM BANDAR**

- 1. Komuniti Surau Kg. Tersusun Batu Putih, Kampar, Perak
- 2. En. Wong Chee Meng, Desa Lawan Kuda, Gopeng, Perak
- 3. Happy Farm Taman Flora Heights, Pasir Gudang, Johor

Seramai 15 penerima Anugerah Kejiran Hijau (AKH) 2020 telah diumumkan sempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia. Penganugerahan ini dinilai berdasarkan pelaksanaan inisiatif kejiran hijau yang melibatkan Kebun Kejiran, Pengkomposan Sisa, Sistem Pengumpulan dan Penggunaan Semula Air Hujan (SPAH), Penyediaan Laluan Basikal, Penyediaan Laluan Pejalan Kaki dan inisiatif-inisiatif hijau yang lain. Pemenang AKH 2020 di Negeri Perak seperti berikut;

- i. Kategori Pihak Berkusa Tempatan - Kategori Majlis Daerah : **Bandar Baru Kampar (Majlis Daerah Kampar)**.
- ii. Kategori Perumahan Bertanah - Tempat Ketiga : **Tuan Syed Azwan bin Syed Omar, Taman Indah Jaya, Ipoh**.
- iii. Kategori Kampung dalam Bandar -Tempat Kedua : **Encik Wong Chee Meng, Desa Lawan Kuda, Gopeng**.

Penghargaan Bandar Mampan 2020 juga telah diumumkan untuk menghargai PBT yang telah berusaha dan berjaya mencapai status bandar mampan. Pemilihan penerima penghargaan bandar mampan dibuat berdasarkan Jaringan Penunjuk Pembangunan Mampan Bandar-Luar Bandar Malaysia #MURNInets 2.0 yang dicerap menerusi aplikasi Sistem Gerbang MURNInets 2.0. Ia merupakan satu sistem atas talian yang dibangunkan oleh #PLANMalaysia untuk membantu PBT dalam mengumpul maklumat, memantau serta membuat penilaian data bagi menentukan tahap kemampanan Bandar. Bagi Negeri Perak, **Majlis Daerah Gerik** telah memenangi tempat ketiga Kawasan PBT bertaraf Daerah paling mampan.

**TAHNIAH**  
Penerima Penghargaan Bandar Mampan 2020

**KATEGORI DAERAH**

Tempat Pertama	MAJLIS DAERAH YONG PENG

Tempat Kedua	MAJLIS DAERAH KUALA PILAH

Tempat Ketiga	MAJLIS DAERAH GERIK

# SENARAI TERKINI GARIS PANDUAN / PIAWAIAN PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN YANG TELAH DILULUSKAN PEMAKAIANNYA OLEH JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI (JPN) DAN MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (MMKN) SEHINGGA SEPTEMBER 2020

Jadual berikut menunjukkan Garis Panduan Perancangan Dan Piawaian Perancangan yang digunakan di Negeri Perak :

BIL.	GARIS PANDUAN PERANCANGAN (GPP)/PIAWAIAN PERANCANGAN (PP)	KELULUSAN JPN	KELULUSAN MMKN
1.	GP Kawasan Kolam Takungan Sebagai Sebahagian Tanah Lapang	Bil.3/1997 21.10.1997	Bil.1348 8.9.1999
2.	GP & PP Pembangunan Di Kawasan Persisiran Pantai	Bil.3/1997 21.10.1997	Bil.1348 8.9.1999
3.	PP Kemudahan Asas Dan Fizikal Berkaitan Program Rakan Muda	Bil.3/1997 21.10.1997	Bil.1348 8.9.1999
4.	GP Perancangan Perusahaan Ternakan Khinzir	Bil.3/1997 21.10.1997	Bil.1348 8.9.1999
5.	PP Tempat Ibadat Islam	Bil.3/1997 21.10.1997	Bil.1348 8.9.1999
6.	PP Tapak Pencawang Elektrik	Bil.1/1998 19.2.1998	Bil.1348 8.9.1999
7.	GP Perancangan Tapak Incinerator	Bil.1/1998 19.2.1998	Bil.1348 8.9.1999
8.	GP Tapak Pelupusan Sisa Toksid dan Sisa Pejejal	Bil.1/1998 19.2.1998	Bil.1348 8.9.1999
9.	GP Perancangan Perumahan Pekerja Kilang	Bil.2/1998 29.6.1998	Bil.1348 8.9.1999
10.	PP Kawasan Perindustrian	Bil.2/1998 29.6.1998	Bil.1348 8.9.1999
11.	GP Untuk Pengkelasan Cerun Bukit Batu Kapur dan Zon Keselamatan	Bil.4/1998 12.11.1998	Bil.1348 8.9.1999
12.	GP Perancangan Tanah Perkuburan Islam Dan Bukan Islam	Bil.1/1999 23.2.1999	Bil.1348 8.9.1999
13.	GP Laporan Cadangan Pemajuan	Bil.1/1999 23.2.1999	Bil.1348 8.9.1999
14.	PP Tanah Lapang & Rekreasi	Bil.2/1999 25.5.1999	Bil.1348 8.9.1999
15.	GP & PP Taman Industri Teknologi Tinggi & Rumah Pekerja	Bil.1/2003 29.1.2003	Bil.1348 8.9.1999

BIL.	GARIS PANDUAN PERANCANGAN (GPP)/PIAWAIAN PERANCANGAN (PP)	KELULUSAN JPN	KELULUSAN MMKN
16.	GP Pembangunan Perumahan	Mesyuarat JK Perancangan & Pembangunan JPBD.Pk Bil.3/99 Bertarikh 25.10.1999	
17.	GP Kebenaran Merancang Bagi Pembangunan Perumahan Sedia Wujud Tanpa Kebenaran	Bil.2/2000 28.8.2000	Bil.1379 28.2.2001
18.	GPP Pembangunan Sejagat (Edisi Kedua)	Bil.1/2001 12.2.2001	Bil.1398 17.7.2002
19.	GP & PP Kawasan Pantai	Bil.2/2002 5.6.2002	Bil.879/2002 27.11.2002
20.	GP Perancangan Kemudahan Pembetungan	Bil.3/2002 21.8.2002	Bil.84/2003 12.2.2003
21.	GP & PP Kawasan Tasik	Bil.3/2002 21.8.2002	Bil.85/2003 19.2.2003
22.	GP & PP Tanah Lapang & Rekreasi	Bil.3/2002 21.8.2002	Bil.86/2003 19.2.2003
23.	GPP Kawasan Rizab Sungai Sebagai Sebahagian Tanah Lapang Awam	Bil.2/2003 26.3.2003	-
24.	PP Kedai Kos Rendah (Kedai Rakyat) -PLANMalaysia@Perak	Bil.1/2006 6.4.2006	Bil.1497 10.5.2006
25.	GPP & Pembangunan Taman Awam & Rekreasi Bertema	Bil.2/2005 16.6.2005	Bil.1482 7.9.2006
26.	GP & PP Reka Bentuk Imej Bandar	Bil.2/2005 16.6.2005	Bil.1482 7.9.2006
27.	GP Keperluan Kebenaran Merancang Bagi Aktiviti Asrama Pekerja & Pelajar di Premis Kediaman -PLANMalaysia@Perak	Bil.1/2007 26.2.2007	Bil.1521 23.5.2007
28.	GPP Papan Iklan Luar	Bil.2/2009 14.8.2009	Bil.1599 3.11.2009
29.	GPP Pembangunan di Kawasan Bukit & Tanah Tinggi	Bil.1/2010 18.3.2010	Bil.1622 26.5.2010
30.	Panduan Pelaksanaan Pengecualian Kebenaran Merancang (ExPA)	Bil.3/2011 12.12.2011	Dipersetujui untuk digunakan di Negeri Perak tanpa perlu kelulusan MMKN

BIL.	GARIS PANDUAN PERANCANGAN (GPP)/ PIAWAIAN PERANCANGAN (PP)	KELULUSAN JPN	KELULUSAN MMKN
31.	Panduan Pelaksanaan Reka Bentuk Bandar Selamat Melalui CPTED	Bil.1/2012 9.4.2012	Dipersetujui untuk digunakan di Negeri Perak tanpa perlu kelulusan MMKN
32.	GPP Gated Community & Guarded Neighbourhood	Bil.3/2010 16.12.2010	Bil.1725 5.12.2012
33.	GPP Kejiranan Hijau	Bil.1/2012 21.5.2012	Bil.1725 5.12.2012
34.	GPP Pembangunan Semula Kawasan Brownfield	Bil.2/2012 8.10.2012	Bil.1725 5.12.2012
35.	GPP Reka Bentuk Sejagat	Bil.2/2012 8.10.2012	Bil.1725 5.12.2012
36.	GP & PP Rancangan Perkampungan Tersusun (RPT) & Pusat Pertumbuhan Desa (PPD) -PLANMalaysia@Perak	Bil.1/2012 21.5.2012	Bil.1725 5.12.2012
37.	GPP Premis Burung Walit (Swiftlet) Neg. Perak	Bil.1/2011 21.3.2011	Bil.1726 12.12.2012
38.	GPP Ternakan Ikan Hiasan – Ikan Arowana Negeri Perak	-	Bil.1729 23.1.2013
39.	GP Penubuhan Tadika & Taska	Bil.3/2012 10.12.2012	Bil.1734 20.2.2013
40.	GP Penubuhan Tadika & Taska (Syarat-Syarat Penubuhan di Bangunan Bertingkat)	Bil.3/2012 10.12.2012	Bil.1734 20.2.2013
41.	GP Taman Atas Bumbung	Bil.1/2013 18.7.2013	Bil.1819 17.6.2015
42.	GP Taman Tema	Bil.1/2013 18.7.2013	Bil.1819 17.6.2015
43.	GPP Terminal Kenderaan Berat	Bil.2/2013 26.9.2013	Bil.1819 17.6.2015

BIL.	GARIS PANDUAN PERANCANGAN (GPP)/ PIAWAIAN PERANCANGAN (PP)	KELULUSAN JPN	KELULUSAN MMKN
44.	GPP Lorong Belakang	Bil.2/2016 20.6.2016	Bil.1865 27.7.2016
45.	GPP Kemudahan Masyarakat	Bil.2/2016 20.6.2016	Bil.1865 27.7.2016
46.	GPP Kawasan Perdagangan	Bil.1/2017 27.2.2017	Bil.1895 12.4.2017 (Edisi 2016)
47.	Manual SIA (Edisi Kedua)	Bil.3/2017 7.11.2017	Bil.1928 24.1.2018
48.	GPP Kawasan Perdagangan (Perubahan & Addendum)	Bil.3/2017 7.11.2017	Bil.1928 24.1.2018
49.	GPP Padang Golf	Bil.2/2018 27.8.2018	Bil.1959 23.1.2019
50.	GPP Tempat Letak Kenderaan	Bil.2/2018 27.8.2018	Bil.1959 23.1.2019
51.	GPP Fizikal Warga Emas	Bil.3/2018 8.11.2018	Bil.1959 23.1.2019
52.	GPP Chalet Atas Air	Bil.3/2018 8.11.2018	Bil.1959 23.1.2019
53.	GPP Ladang Solar Negeri Perak	Bil.4/2019 25.11.2019	Bil.1995 1.7.2020



Jadual berikut menunjukkan Kaedah Perancangan yang diwartakan di Negeri Perak :

BIL	KAEDAH DAN ENAKMEN	TARIKH WARTA	TARIKH KUATKUASA	CATATAN
1.	Kaedah-Kaedah Lembaga Rayuan Negeri Perak 1991	27.6.1991	27.6.1991	Pk.PU.21
2.	Kaedah-Kaedah Lembaga Rayuan Negeri Perak (Pindaan) 1993	9.11.1995	9.11.1995	Pk.PU.15
3.	Kaedah-Kaedah Lembaga Rayuan Negeri Perak (Pindaan) 2000	2.3.2000	2.3.2000	Pk.PU.3
4.	Kaedah-Kaedah Lembaga Rayuan Negeri Perak (Pindaan) 2005	22.12.2005	22.12.2005	Pk.PU.38
5.	Kaedah-Kaedah Kawalan Kawalan Perancangan (AM) Negeri Perak 2010	30.12.2010	30.12.2010	Pk.PU.55
6.	Kaedah-Kaedah Perintah Pemeliharaan Pokok Negeri Perak 2011	30.12.2011	30.12.2011	Pk.PU.40
7.	Kaedah-Kaedah Rancangan Kawasan Khas Negeri Perak 2013, Kaedah-Kaedah Kawalan Perancangan (Pengurusan Pesisiran Pantai) Negeri Perak 2013, Kaedah-Kaedah Kawalan Perancangan (Pemajuan Tanah Tinggi dan Lereng Bukit) Negeri Perak 2013 & Kaedah-Kaedah Kawalan Perancangan (Pemajuan Tanah dan Bangunan Yang Mempunyai Kepentingan Sejarah Atau Seni Bina) Negeri Perak 2013	15.8.2013	15.8.2013	Pk.PU.41- 44
8.	Kaedah-Kaedah Caj Pemajuan Negeri Perak 2013	5.12.2013	1.1.2014	Pk.PU.63 (Caj Pemajuan 25%)
9.	Kaedah-Kaedah Caj Pemajuan Negeri Perak (Pindaan) 2014	29.12.2014	1.1.2015	Pk.PU.35 (Caj Pemajuan 10%)
10.	Kaedah - Kaedah Kelayakan Menyediakan & Mengemukakan Pelan, Butir - Butir & Dokumen Untuk Permohonan Kebenaran Merancang Negeri Perak	29.12.2014	29.12.2014	Pk.PU.36
11.	Enakmen Pengurusan Pesisir Pantai Perak 2016 & Enakmen Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak (LPHP) 2016	23.6.2016	23.6.2016	Enakmen 10 & Enakmen 11
12.	Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 2017 [Akta A1522]	2.8.2018	17.1.2018	Pk.PU.44
13.	Kaedah-Kaedah Kawalan Perancangan (Am) Negeri Perak (Pindaan) 2019	28.2.2019	28.2.2019	Pk.PU.6 (Sumbangan Tanah Lapang)
14.	Kaedah-Kaedah Caj Pemajuan Negeri Perak (Pindaan) 2019	15.8.2019	15.8.2019	Pk.PU.21 (Caj Pemajuan 7%)

Jadual berikut menunjukkan Pekeliling Setiausaha Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) yang digunakan di Negeri Perak :

BIL	PEKELILING SU JPN	TARIKH KUATKUASA
1.	Bil.1 Tahun 2009 - Penambahbaikan Ke Atas Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Pelan Susun Atur Melibatkan Kawasan Kurang Daripada 5 Ekar	11.8.2009
2.	Bil.1 Tahun 2015 - Kaedah-Kaedah Caj Pemajuan Negeri Perak 2013 (Arahan Penyelarasan Kaedah-Kaedah Caj Pemajuan Negeri Perak 2013)	23.1.2015
3.	Bil.1 Tahun 2018 - Penerimapakaian Kod-Kod Peringkat Pematuhan Syarat-Syarat Permohonan Kebenaran Merancang	8.10.2018
4.	Bil.2 Tahun 2018 - Penyediaan Tanah Lapang Secara Fizikal Bagi Pembangunan Skim Perumahan Bertanah 2 Ekar Ke Bawah	11.12.2018



# **PLANMalaysia@Perak**

(Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Perak Darul Ridzuan)

**Perancangan melangkaui kelaziman**



<https://planmalaysia.perak.gov.my/>